

LAMPIRAN A1 – TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB *KNOWLEDGE MANAGER*

- Memberi kesedaran dan pemahaman berhubung dengan program Pengurusan Kandungan dan Pengetahuan kepada anggota kerja di tempat tugas
- Memberi bantuan dalam pengurusan dan penggunaan kandungan pengetahuan
- Melaksana dan memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif Pengurus Pengetahuan di tempat tugas
- Memperbaiki aliran proses dan amalan pengurusan pengetahuan di tempat tugas
- Mengatur sekurang-kurangnya lima (5) aktiviti / sesi perkongsian pengetahuan di tempat tugas
- Menyediakan laporan berkala mengenai pengurusan aset pengetahuan dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan di tempat tugas
- Menghadiri Mesyuarat J/K Pelaksanaan dan Pemantauan Pembudayaan Ilmu
- Menyertai dan memberi sumbangan tenaga kepada aktiviti pembudayaan ilmu yang dianjurkan di peringkat Jabatan

LAMPIRAN A2 – TERMA RUJUKAN JAWATAN KUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU

Pengerusi J/K PPPI : Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu Urusetia J/K PPPI : Bahagian Pengurusan Projek Kompleks

- a) Memantau pelaksanaan dasar berkaitan dengan ilmu pembelajaran dan pembudayaan ilmu
- b) Menyelaras aktiviti pembelajaran dan pembudayaan ilmu untuk memastikan keberkesananannya
- c) Memantau pengurusan aset pengetahuan untuk memastikan kualiti dan ketersediaan kandungan pengetahuan
- d) Memastikan usaha penambahbaikan berterusan dalam pengurusan pengetahuan dan pembelajaran sejajar dan diintegrasikan dengan inisiatif penambahbaikan organisasi lain
- e) Menangani isu berkaitan dengan keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal untuk pelaksanaan program pengurusan pengetahuan yang efektif